

# Banjir kilat: 115 kenderaan hampir tenggelam

13 Mei 2016 1:26 AM

5 0 Google +0



Kenderaan hampir tenggelam dalam banjir kilat berikutan hujan lebat di hadapan Duta Vista, Jalan Duta, Kuala Lumpur, malam tadi.

KUALA LUMPUR 12 Mei – Sebanyak 115 kenderaan hampir tenggelam dalam banjir kilat yang melanda dua kawasan di ibu negara malam ini.

Kejadian kira-kira pukul 7 malam itu melibatkan kawasan pintu masuk Universiti Malaya (UM) di Jalan Lingkungan Budi dan di hadapan Duta Vista, Jalan Sultan Abdul Halim menghala ke Damansara.

Ini merupakan kejadian banjir pertama di kedua-dua kawasan tersebut pada tahun ini.

Dalam kejadian itu, sebanyak 11 mangsa diselamatkan termasuk seorang wanita orang kurang upaya (OKU) yang pitam akibat sesak nafas.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, kebanyakan kenderaan tenggelam sehingga paras enjin.

Beliau berkata, sehingga pukul 10.10 malam ini, kesemua kenderaan tersebut masih tersadai di lokasi banjir kerana mengalami kerosakan.

“Sebanyak 100 kereta tenggelam di hadapan Duta Vista manakala 15 lagi di pintu masuk Universiti Malaya.

“Banjir di pintu masuk UM naik hingga ke paras dada dengan arus deras sehingga 11 pemandu dan penumpang kenderaan yang terperangkap terpaksa naik ke atas bumbung kereta. Mereka diselamatkan selepas air surut pada pukul 8.16 malam,” katanya ketika dihubungi malam ini.

Menurut Azizan, sebanyak 22 anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Hang Tuah, Gombak Selatan, Seputeh dan Pantai ditugaskan ke lokasi kejadian.

Tambahnya, usaha untuk mengalihkan semua kenderaan yang terlibat masih dijalankan dan dijangka selesai tengah malam ini.